



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI SELASA, 14 SYA'ABAN 1444 / 07 MAC 2023
(HARI KEEMPAT)**

1. DO'A SELAMAT

2. PERKARA VI - RANG UNDANG-UNDANG:

2.1. Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah membukakan bagi perbahasan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan 2023/2024 dan beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah ikut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang tersebut, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Hamdan;
 - Menyeru agar langkah-langkah penjimatan (*savings*) dan memperketatkan perbelanjaan negara perlu menjadi keutamaan, dan segala pengeluaran atau perbelanjaan negara harus dipantau dengan saksama agar tidak menghadapi defisit yang tinggi dan berterusan;
 - Menyeru agar memperkemaskan operasi pentadbiran awam, kerana ia merupakan antara strategi ke arah mengurangkan perbelanjaan kerajaan dengan mengaplikasikan budaya kerja yang bersistematik dan *up-to-date*;
 - Ingin mengetahui soal perancangan kemajuan yang berkesan dan berdaya maju bagi Daerah Tutong dan memohon agar projek kemajuan ini dapat dijadikan sukat-sukat dan pemikiran ke arah memacu kemajuan Pekan Tutong;

- ii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
- Menekankan penyusunan semula ekonomi dan transformasi, membantu perniagaan khususnya PMKS meningkatkan daya penghasilan dan membantu pekerja meningkatkan kemahiran (*upskilling*) dalam setiap peluang yang ada;
 - Memohon agar pihak kerajaan dapat melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani isu inflasi dan kenaikan harga barang keperluan asas bagi meringankan beban ahli keluarga di Negara Brunei Darussalam;
 - Memohon agar kerajaan mengambil langkah untuk memperketatkan penguatkuasaan ke atas akta-akta yang berkaitan bagi memastikan peniaga-peniaga sentiasa menjalankan perniagaan secara beretika serta tidak mengambil keuntungan yang berlebihan;
 - Menyarankan agar pemilihan syarikat-syarikat melalui tender-tender kerajaan perlu memberi prioriti kepada syarikat-syarikat yang menggaji pekerja-pekerja terdiri daripada anak tempatan.
- iii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
- Mencadangkan pihak kerajaan untuk mempelbagaikan bantuan dan inisiatif untuk memastikan kebajikan rakyat terjamin terutamanya kepada golongan-golongan yang menjadi sasaran;
 - Menyarankan supaya semua pihak untuk bekerjasama termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan Pelaburan Langsung Asing (FDI) untuk memastikan pembangunan ekonomi kembali rancak termasuk mengemaskinikan permohonan Tanah Tumpang Sementara (TOL) dan meneruskan bantuan rumah melalui Skim Perumahan Negara;
 - Berharap supaya belanjawan dapat diurus tadbir dengan sebaik mungkin terutama sekali perkara-perkara yang berhubung kait dengan bantuan-bantuan kebajikan melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN).

- iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;
- Menyeru agar isu-isu rakyat yang masih lagi belum diselesaikan hendaklah dilihat sebagai tanggungjawab dan amanah yang perlu ditangani segera;
 - Menyeru agar perancangan yang strategik bagi mempergunakan sumber-sumber khazanah warisan unggul Negara Brunei Darussalam sebagai asas bagi melaksanakan dan mewujudkan *spin-off* ekonomi yang boleh dimanfaatkan dan membawa kebaikan kepada semua pihak;
 - Mengharapkan agar perhatian sewajarnya diambil bagi merangka pelan strategik jangka pendek, sederhana dan panjang melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* dengan agensi-agensi kerajaan, Majlis–Majlis Perundingan Kampung (MPK), penduduk-penduduk setempat serta pihak-pihak yang berkepentingan;
 - Membangkitkan mengenai keselamatan rakyat yang tinggal berdekatan dengan pantai memandangkan ramalan bahawa paras laut akan meningkat ke paras yang membimbangkan.
- v. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;
- Menyarankan agar peniaga Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) khususnya pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) agar mengambil peluang untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti produk masing-masing agar sentiasa relevan dan *marketable*;
 - Menyarankan agar usaha-usaha bagi menyediakan tenaga kerja tempatan yang berdaya maju dengan keperluan bidang pekerjaan dan industri diberi penuh sokongan daripada semua pihak seperti program i-Ready, Skillsplus, SPIN dan Tradeskills;
 - Mengharapkan agar pelan transformasi dan kemajuan bagi kawasan zon komersial di Pekan Belait dan

Pekan Seria diwujudkan dalam memastikan perniagaan di kawasan-kawasan berkenaan dapat dimanfaatkan oleh Perusahaan-Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

- vi. Yang Berhormat Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
 - Memohon pencerahan sama ada pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi sudah memastikan kebolehlaksanaan (*doability*) projek-projek yang dirancang bagi menjamin peruntukan yang diberikan dapat digunakan dengan sebaiknya mengikut perancangan, mengambil kira peruntukan besar bagi perbelanjaan Kemajuan di Sektor Elektrik dan Perumahan Negara;
 - Memohon agar Kementerian Kewangan dan Ekonomi dapat mengongsikan data peratus penggunaan sebenar bagi peruntukan-peruntukan yang ada secara umum bagi tempoh 3 tahun kebelakangan;
 - Memohon pencerahan jika pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk menggantikan guru-guru *CfBT* dengan guru-guru terdiri daripada anak-anak tempatan.

- vii. Yang Berhormat Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;
 - Menyarankan agar setiap kementerian membuat penilaian terhadap keberkesanan dan kecekapan penggunaan peruntukan kewangan menerusi penetapan Petunjuk Prestasi Utama (*KPI on Financial Effectiveness and Efficiency*) untuk keseluruhan perbelanjaan kementerian-kementerian secara umum;
 - Mencadangkan agar Program Jati Diri dan program-program lain diperkenalkan secara mandatori di semua Institusi Pengajian Tinggi untuk menjadikan anak-anak tempatan lebih bersedia untuk menceburi alam pekerjaan atau *job-ready*;
 - Menyeru supaya penetapan jurusan pelajar-pelajar disejajarkan dengan perancangan sumber tenaga manusia yang diperlukan oleh negara apabila mereka

tamat pengajian nanti dan diselaraskan dengan peruntukan perjawatan dalam sektor-sektor bersesuaian supaya kadar pengangguran tidak semakin meningkat.

- viii. Yang Berhormat Dr. Haji Awang Mahali bin Haji Momin;
 - Menyeru semua rakyat khususnya warga perkhidmatan awam untuk ikut teruja bagi meningkatkan usaha menukar cara rutin pekerjaan;
 - Ingin mengetahui jika bekalan keperluan asas adalah mencukupi dan berapa lamakah kita dapat bertahan sekiranya terdapat gangguan yang tidak dijangkakan berlaku.
- ix. Yang Berhormat Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
 - Mencadangkan agar peruntukan kerajaan untuk diberigakan kepada penjawat awam dan orang awam supaya ianya diketahui umum dan tidak menjadi *lost-in-translation*.
- x. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
 - Memberi cadangan agar pihak DARE membimbing warga tempatan yang ingin memulakan kerjaya di bidang perniagaan dan mengembang luaskan perspektifnya itu ataupun ditubuhkan sebuah agensi khusus (*One Stop Agency*) bagi memudah cara dan membimbing rakyat terutamanya belia untuk bergiat dalam bidang perniagaan.
- xi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
 - Menyarankan untuk sesuatu perancangan atau inisiatif mestilah dipantau secara berterusan atau di *review* dan diselesaikan dengan segera apa juga masalah-masalah yang timbul sehinggalah perancangan atau projek itu menjadi kenyataan untuk dapat dirasakan oleh *stakeholders* termasuklah rakyat

dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, dan ianya hendaklah memenuhi *time frame* yang ditetapkan;

- Mencadangkan jika dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak diperlukan secara mendadak yang bukan keutamaan hendaklah seboleh-bolehnya ditangguhkan buat sementara;.
- Menyarankan agar peniaga-peniaga khususnya di kalangan *Micro, Small and Medium Enterprise* (MSME) supaya *regulator* (*Central Bank*) untuk lebih *flexible* dan menggalakkan kepada mana-mana institusi kewangan untuk membantu memudahkan pinjaman kewangan kepada syarikat-syarikat terutama MSME dalam usaha untuk memperkembangkan perniagaan masing-masing, disamping *bridging the gap* bagi MSME mengambil *advantage* dari perjanjian yang ditandatangani kerajaan;
- Mencadangkan untuk diteliti semula akan Lesen Perniagaan Tahunan dan menyeru bagi perkara-perkara yang menyalahi undang-undang untuk dikawal dan diberkas;
- Menyentuh mengenai integrasi sistem-sistem seperti BruHims, BruHealth dan lain-lain bagi mengelakkan duplikasi dan pembaziran.

xii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Othman;

- Menyentuh mengenai peruntukan pendidikan untuk diguna pakai bagi meningkatkan kualiti bangunan-bangunan sekolah dan pengajian tinggi dan menambah keramaian guru-guru sekolah selaku tenaga pengajar;
- Menyarankan agar memberi perhatian terhadap perkhidmatan dan kebajikan guru-guru;
- Berharap agar peruntukan Kementerian Kesihatan dapat dipakai untuk meningkatkan mutu

perkhidmatan penjagaan kesihatan dan rawatan di Negara Brunei Darussalam;

- Menyarankan agar kesejahteraan dan kebajikan *frontliners* dalam memberi perkhidmatan perubatan hendaklah tidak diabaikan dan terlepas dari perhatian.

xiii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

- Menyentuh supaya kolaborasi-kolaborasi FDI yang dibuat seperti kolaborasi antara *MPC Ventline Agencies dan Regional Container Line Private Limited* dan projek pengendalian *Brunei Bay Southern Anchorage* dan fasa kedua *Syarikat Hengyi Industries Sendirian Berhad* akan dipantau secara terperinci supaya objektif utama akan tercapai;
- Mencadangkan supaya undang-undang dasar dan peraturan khusus digubal supaya spin off dari FDI dapat memberikan faedah dan kemanfaatan kepada PMKS tempatan dan menjana peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Latihan-latihan kemahiran anak-anak tempatan juga perlu dilaksanakan sebagai langkah proaktif negara dalam memenuhi keperluan industri-industri ini;
- Menyarankan supaya sistem digital seperti *Smart Nation, e-Commerce, e-Economy* untuk mempunyai *change management* yang berterusan supaya sistem-sistem ini akan berjalan dengan lancar.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

3. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

3.1. JABATAN PERDANA MENTERI

- 3.1.1. Jawatankuasa seterusnya telah menimbangkan tajuk dibawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA01A hingga Tajuk SA26A.
- 3.1.2. Pembentangan anggaran perbelanjaan dan halatuju Jabatan Perdana Menteri disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.
- 3.1.3. Memandangkan Jabatan Perdana Menteri mempunyai 20 buah jabatan-jabatan dibawahnya, perbahasan dibahagian kepada tiga (3) bahagian. Manakala, Tajuk SA04A hingga Tajuk SA06A, Tajuk SA12A dan Tajuk SA25A Jabatan Perdana Menteri tidak dibahaskan memandangkan ianya berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara dan tidak sesuai untuk dibincangkan secara terbuka.
- 3.1.4. Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A telah dibukakan untuk dibahaskan, dan beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyampaikan pendapat dan persoalan yang kemudian direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:
 - i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
 - Memohon pencerahan mengenai surat layang dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan Perdana Menteri untuk menghalang perkara tersebut daripada berlaku secara berleluasa.
 - ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim
 - Memohonkan pencerahan atas keberkesanan program pengurusan dasar-dasar kerajaan yang sedang dan sudah dilaksanakan pembaharuan terutamanya mentransformasikan perkhidmatan awam secara menyeluruh; dan adakah KPI khusus bagi menyukat

keberkesanan dan impak terhadap perkhidmatan awam dan rakyat secara menyeluruh disamping *third party assessment*;

- Ingin mengetahui tentang program terkini yang dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam dan apakah keberkesanannya setakat ini;
- Memohonkan maklumat sekiranya sudah dibuat kajian akan sebab penurunan kadar pengambilan di sektor bukan minyak dan gas sejak tahun 2020;
- Ingin mengetahui sama ada dibuat *follow-up* bagi menjejak dan memantau pekerja-pekerja yang diambil oleh sektor swasta bertahan lama;
- Menyoalkan apakah strategi bagi menyediakan tenaga kerja bagi menggantikan tenaga kerja asing di sektor-sektor yang dipelopori oleh warga asing;
- Ingin mengetahui strategi i-Ready dan pihak kerajaan dalam menangani masalah pengangguran graduan pengajian tinggi yang kian meningkat pada setiap tahun;
- Menyarankan tempoh iReady untuk dilanjutkan khususnya bagi syarikat-syarikat swasta terutamanya *start-ups* agar dapat mengembangkan syarikat mereka itu, dan menyoalkan isu di mana syarikat-syarikat bersikap reseptif dalam menyambut baik program-program dalam aspek memberikan elaun tambahan dan menjaga kesejahteraan pekerja tempatan.

iii. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin

- Memberikan cadangan bagi mengadakan *change management programme* di bawah MPEC dengan kerjasama sektor kerajaan, sektor swasta, pihak belia dan juga pihak akademia;
- Mencadangkan agar graduan yang berkelayakan diberi peluang untuk bekerja di luar negara bagi mendapatkan pengalaman dengan syarat untuk

mereka kembali ke tanah air untuk berkhidmat dan menyumbang pengalaman dan ilmu yang diperolehi;

- Mencadangkan bagi membukakan peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan di kedutaan-kedutaan Negara Brunei Darussalam, terutama sekali di negara-negara ASEAN.

iv. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann

- Memohon pencerahan sama ada dapat dipertimbangkan bagi peruntukan khas kemajuan dan kesejahteraan rakyat di bawah kapasiti Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membiayai projek-projek dan aktiviti-aktiviti khusus, terutama sekali bagi keperluan terdesak.

v. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin

- Menyentuh mengenai pertumbuhan ekonomi yang pada pendapat beliau memerlukan sekurang-kurangnya pertumbuhan 10 peratus secara *cumulative* setahun untuk menjadi negara maju pada tahun 2035 dan Yang Berhormat mencadangkan apabila Wawasan Brunei 2035 dibuat *review*, peratus pertumbuhan ekonomi hendaklah juga diambil kira dan dibuat pertimbangan.

vi. Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

- Mencadangkan bagi menerapkan *independent verification process* ke atas KPI supaya KPI yang dijayakan oleh satu agensi yang *enablers* tidak membagi kesan negatif kepada KPI agensi yang lain;
- Menyarankan bagi MPEC untuk melihat *forward-planning* dan menyediakan pekerjaan-pekerjaan baru bagi anak-anak tempatan;
- Mencadangkan bagi penyertaan *Captain of Industries* ke dalam MPEC;

- Mencadangkan bagi membuat *levy* ke atas work permit dan *levy* yang dikutip untuk dimasukkan dalam Dana Pembangunan Kemahiran bagi melatih anak-anak tempatan;
- Menyarankan bagi dibuat pemantauan agar program i-Ready ini tidak disalahgunakan;
- Ingin mengetahui apakah status *energy strategic plan* dan apakah inisiatif untuk mencapai *target* dalam *energy strategic plan* tersebut;
- Menyarankan agar kerja-kerja seperti *decommissioning* ini dipantau dan juga dibukakan supaya kontraktor tempatan diberi peluang untuk mengusahakan kemahiran di dalam sektor ini agar ini juga dapat memberi peluang pekerjaan.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI RABU, 08 MAC 2022 JAM 9.30 PAGI]
